

B. HARIAN 14 5 1980

Mahathir nak rasmi persidangan

KUALA LANGAT, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, akan disambut secara besar-besaran ketika tiba untuk merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kuala Langat di Dewan Sri Juara Telok Datuk Sabtu ini pada jam 9 pagi.

Ketibaan beliau dengan helikopter akan disambut oleh Ketua UMNO Bahagian, Datuk Haji Hormat Rafel dan beberapa wakil rakyat kawasan itu.

Beliau kemudian akan diarak dengan tiga pasukan kompang dan diiringi oleh 200 Pemuda dan Wanita UMNO Bahagian Kuala Langat membawa bunga manggar.

Sebelum perarakan dilakukan, Datuk Seri Dr. Mahathir akan memeriksa perbarisan kehormatan oleh 101 orang Pergerakan Pemuda Bahagian Kuala Langat berpakaian lengkap.